

KUALA LUMPUR, 20 MEI (BERNAMA)-- AHLI-AHLI UMNO DAN PAS DI PERINGKAT BAWAH MASIH MEMPERSOALKAN KERAJAAN CAMPORAN DAN SENTIASA BERLAWAN ANTARA SATU SAMA LAIN SAPERTI +SATU PASUKAN BOLASEPAK.+

SEORANG AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO, SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI KEPADA MEREKA SCAL PERPADUAN TIDAK MUSTAHAK, TETAPI APA YANG MEREKA FIKIRKAN IALAH SOAL KEPENTINGAN PARTI MASING-MASING.

+MEREKA TIDAK SEDAR APAKAH KEMENANGAN DARI PERJUANGAN ITU AKAN MENGGUNTINGKAN ORANG MELAYU YANG MENDUKUNG MEREKA,+ KATANYA KETIKA MERESMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BATU DISINI.

+APA YANG MEREKA MAHU IALAH KEMENANGAN TANPA MEMIKIRKAN KESAN DARI PERJUANGAN ITU DAN ADAKAH PERJUANGAN INI AKAN DAPAT MENGUBAH NASIB ORANG MELAYU.+

BELIAU MENSIFATKAN PERJUANGAN SAPERTI INI SEBAGAI PERLAWANAN SATU PASUKAN BOLASEPAK YANG HANYA BERLAWAN DAN UNTUK BERI AWAN.

MENURUT DR. MAHATHIR PERKARA SAPERTI INI TIDAK BERLAKU DIKAWASAN YANG MENDUNYAI ORANG MELAYU DALAM JUMLAH MINORITI KERANA MEREKA BERSATU, TETAPI DI NEGERI-NEGERI KELANTAN, TRENGGANU, KEDAH DAN PERLIS. -- BERSAMBUNG 1503/YF

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG-ORANG DIKAWASAN MINORITI SUPAYA MENYEDARKAN MEREKA DIKAWASAN MAJORITI YANG PERJUANGAN MEREKA ITU MENGANCAM KEDUDUKAN MEREKA SENDIRI DAN ORANG LAIN.

+PERTELINGKAHAN SESAMA MEREKA AKAN MELEMAHKAN ORANG MELAYU SELURUHNYA,+ KATANYA.

BAGAIMANA PUN, BELIAU BERKATA DIPERINGKAT PEMIMPIN, TELAH ADA PERSETUJUAN MENGENAI KERAJAAN CAMPORAN ITU.

+MALANGNYA, PENDAPAT-PENDAPAT PEMIMPIN TIDAK SAMPAI DIPERINGKAT AHLI-AHLI BIASA, MASIH ADA AHLI DARI KEDUA-DUA PARTI YANG MEMPERSOALKAN KERAJAAN CAMPORAN ITU,+ KATANYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN ORANG MELAYU SUPAYA MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH TENTANG USAHA MEMBAIKI DIRI MEREKA SAPERTI DALAM BIDANG PELAJARAN, PERNIAGAAN DAN PEKERJAAN DARI PELUANG-PELUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

MENURUTNYA MASIH TERDAPAT MEREKA YANG TIDAK MENYEDARI USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MENOLONG ORANG MELAYU. -- BERSAMBUNG 1508/YF

539

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA ADA PENUNTUT YANG PERGI KE UNIVERSITI DENGAN BIASISWA KERAJAAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI HAK MEREKA TETAPI TIDAK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN GAGAL DALAM PEPERIKSAAN.

+SAYA TIDAK PULA MENGATAKAN BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH MEMASUKI POLITIK DAN MENGETAHUL MASAALAH RAKYAT, TETAPI TUGAS UTAMA MEREKA IALAH UNTUK LULUS DALAM PEPERIKSAAN.+

BELIAU JUGA MENYEBUTKAN TENTANG ADA PENUNTUT YANG BELAJAR KE LUAR NEGERI DENGAN BIASISWA KERAJAAN, TETAPI KETIKA DISANA, MEREKA MENGHADHIRI MAJLIS-MAJLIS MENEGUR KERAJAAN MENGAPA MEMBERI BANTUAN KEPADA ORANG MELAYU SAJA.

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENEGUR PENJAGA-PENJAGA KERETA DI IBUKOTA YANG TIDAK MENJALANKAN TUGAS DENGAN BETUL. -- BERNAMA 1512/YF